

Perdana Menteri terima kunjungan Menteri Penyelaras Hal Ehwal Ekonomi Indonesia

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menerima kunjungan Menteri Penyelaras Hal Ehwal Ekonomi Indonesia, Airlangga Hartarto di Putrajaya.

Anwar berkata, pertemuan itu diadakan bagi membincangkan perkembangan kerjasama dua hala membabitkan Malaysia dan Indonesia.

“Kami memanfaatkan sepenuhnya hubungan erat persahabatan kedua-dua negara yang terjalin, khususnya mengukuhkan lagi lebih banyak kegiatan perdagangan membabitkan pengusaha Indonesia dan Malaysia dalam pelbagai sektor terkait,” kata beliau menerusi hantaran di laman Facebook.

Perdana Menteri berkata, ketutamaan juga diberikan bagi mengukuh dan memperbaharui sinergi ekonomi serta mencerminkan komitmen untuk memupuk kerjasama yang kukuh di antara Indonesia dan Malaysia ke tahap lebih baik lagi di masa depan.

Pada masa sama, Anwar turut memaklumkan selaku Pengerusi ASEAN tahun ini, Malaysia memerlukan kerjasama semua negara jiran termasuk Indonesia bagi melonjakkan keupaya-



Anwar menerima kunjungan Hartarto di Putrajaya semalam. Turut hadir Tengku Zafrul.

(Foto FB Anwar Ibrahim)

an negara sebagai destinasi pelaburan, pelancongan dan perdagangan di benua ini dan juga seluruh dunia.

Perbincangan itu turut disertai Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku

Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Bincang perkukuh ekonomi
Sementara itu, Tengku Zafrul menerusi hantaran di Facebook beliau berkata, pertemuan itu

turut membincangkan strategi pengukuhan ekonomi serantau.

“Dalam suasana global yang penuh ketidakpastian, perpaduan ASEAN bukan lagi satu pilihan, tapi keperluan. Ayuh kita

perkukuhkan ekonomi serantau demi kemakmuran bersama,” katanya.

Beliau turut menegaskan ketika ekonomi global bergelora, suara ASEAN perlu lebihantang lagi. BERNAMA